



## KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

### **STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP) BAGI MEMPROSES PERMOHONAN PELEPASAN CUKAI BARANGAN DAN PERKHIDMATAN (CBP) BAGI PEROLEHAN PERALATAN PERUBATAN DI KEMUDAHAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA**

#### **1. TUJUAN**

*Standard Operating Procedure (SOP)* ini bertujuan untuk menjelaskan prosedur menguruskan permohonan pelepasan cukai barang dan perkhidmatan (CBP) bagi perolehan peralatan perubatan di kemudahan jagaan kesihatan swasta.

#### **2. OBJEKTIF**

- 2.1 Memastikan urusan permohonan kemudahan jagaan kesihatan swasta dapat dilaksanakan dengan cekap, berkesan, adil, telus dan saksama bagi memastikan kepentingan pihak kerajaan dan kemudahan jagaan kesihatan swasta terpelihara
- 2.2 Membantu kemudahan jagaan kesihatan swasta untuk mendapatkan pelepasan CBP ke atas perolehan peralatan perubatan sama ada yang diperolehi di dalam negara atau diimport.

#### **3. LATARBELAKANG**

- 3.1 Berdasarkan Butiran 6, Jadual Pertama, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014 & Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan)(Pindaan) 2015, kemudahan jagaan kesihatan swasta yang berdaftar atau dilesenken di bawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (AKPJKS) 1998 diberi pelepasan daripada membayar CBP ke atas beberapa peralatan perubatan, tertakluk kepada syarat-syarat tertentu.
- 3.2 Kemudahan jagaan kesihatan swasta ertiannya mana-mana premis, selain kemudahan jagaan kesihatan Kerajaan, yang digunakan atau diniatkan untuk digunakan bagi menyediakan perkhidmatan jagaan kesihatan, seperti kemudahan jagaan kesihatan swasta, hospis, pusat jagaan ambulatori, rumah

jagaan kejururawatan, rumah bersalin, hospital psikiatri, rumah jagaan psikiatri, pusat kesihatan mental masyarakat, pusat hemodialisis, klinik perubatan, klinik pergigian dan apa-apa premis jagaan kesihatan lain sebagaimana yang ditentukan oleh Menteri yang dipertanggungjawab bagi kesihatan melalui pemberitahuan dalam Warta di bawah AKPJKS 1998.

#### **4. SKOP PELAKSANAAN**

- 4.1 Permohonan yang layak dipertimbangkan adalah daripada kemudahan jagaan kesihatan swasta sendiri (seperti dinyatakan dalam perenggan 3.2). Sebarang permohonan dari syarikat pembekal atau pihak ketiga bagi pihak kemudahan jagaan kesihatan swasta berkenaan tidak akan dipertimbangkan
- 4.2 Peralatan perubatan yang dimohon untuk pelepasan CBP hendaklah seperti senarai peralatan perubatan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan (rujuk **Lampiran A dan A1**)
- 4.3 Peralatan perubatan berkenaan mestilah digunakan secara langsung bagi tujuan menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan
- 4.4 Kemudahan jagaan kesihatan swasta yang memohon mestilah berdaftar / berlesen dengan Kementerian Kesihatan Malaysia
- 4.5 Ketua Pengarah Kesihatan atau pegawai yang diberi kuasa akan membuat pengesahan dengan menandatangani dan meletakkan cop rasmi kementerian / jabatan ke atas sijil pengesahan seperti di **Lampiran D**
- 4.6 Satu salinan permohonan, keputusan penilaian dan sijil pengesahan hendaklah disimpan oleh pihak KKM / Jabatan Kesihatan Negeri bagi tujuan rekod

#### **5. PROSEDUR PERMOHONAN**

- 5.1 Hanya permohonan pelepasan CBP yang dibuat pada atau selepas 21 April 2015 yang akan layak diberi pertimbangan
- 5.2 Pihak kemudahan penjagaan kesihatan swasta hendaklah memastikan permohonan adalah tertakluk kepada syarat-syarat berikut:
  - 5.2.1 Peralatan perubatan yang dimohon untuk pelepasan CBP adalah seperti senarai peralatan perubatan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan (rujuk **Lampiran A dan A1**)

- 5.2.2 Peralatan perubatan tersebut digunakan secara langsung bagi tujuan menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan
- 5.2.3 Peralatan perubatan yang ingin dibeli tersebut telah didaftarkan dengan Pihak Berkuasa Peranti Perubatan (berkuatkuasa 1 Julai 2015)
- 5.3 Permohonan pelepasan CBP hendaklah dilakukan sekurang-kurangnya satu (1) bulan dari tempoh kemudahan penjagaan kesihatan swasta membuat pesanan pembelian alat sehingga penerimaan alat / pembayaran kepada syarikat pembekal
- 5.4 Dokumen-dokumen yang diperlukan untuk permohonan kepada KKM / Jabatan Kesihatan Negeri adalah seperti berikut:
- 5.4.1 Surat permohonan dari pihak kemudahan jagaan kesihatan swasta
  - 5.4.2 Dokumen **Lampiran B** yang telah disi dan ditandatangani oleh pemilik / Ketua Pegawai Eksekutif / Pengarah / Pengurus kemudahan penjagaan kesihatan swasta yang memohon
  - 5.4.3 **Lampiran C** (senarai peralatan yang dimohon termasuk jenama, kegunaan, kuantiti dan harga alat) yang telah diisi
  - 5.4.4 Salinan *purchase order* (pesanan pembelian) atau invois pesanan bagi peralatan-peralatan perubatan yang ingin dibeli
  - 5.4.5 Salinan sijil pendaftaran/ lesen dibawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998
  - 5.4.6 Senarai semak (**Lampiran E**) yang telah diisi oleh pemohon
- 5.5 Permohonan yang lengkap hendaklah dikemukakan kepada urusetia permohonan Pelepasan Cukai Barang dan Perkhidmatan kemudahan jagaan kesihatan swasta di alamat-alamat yang berkenaan bagi negeri masing-masing (sila rujuk **Lampiran G**)
- 5.6 Semua permohonan akan direkod dan diteliti oleh pihak urusetia permohonan Pelepasan Cukai Barang dan Perkhidmatan kemudahan jagaan kesihatan swasta
- 5.7 Satu senarai semak (**Lampiran E**) perlu disediakan untuk memastikan dokumen-dokumen yang lengkap telah dikemukakan. Permohonan yang tidak lengkap perlu dimaklumkan kepada pemohon supaya dapat dilengkappkan
- 5.8 Semua permohonan yang lengkap akan dijadualkan (mengikut format **Lampiran F**) dan dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Permohonan Pelepasan Cukai Barang dan Perkhidmatan untuk dibuat penilaian

- 5.9 Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Permohonan Pelepasan Cukai Barang dan Perkhidmatan akan bersidang setiap dua (2) minggu atau apabila ada keperluan. Keahlian Jawatankuasa Penilaian Permohonan Pelepasan Cukai Barang dan Perkhidmatan adalah seperti berikut:

Seorang pengurus dan sekurang-kurangnya dua (2) orang Ahli Jawatankuasa yang dilantik dari Bahagian / Cawangan / Unit yang berkaitan

- 5.10 Permohonan-permohonan yang telah dinilai oleh Jawatankuasa Penilaian Permohonan Pelepasan Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) akan dibawa untuk pengesahan Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri
- 5.11 Keputusan penilaian akan dimaklumkan secara bertulis kepada pihak kemudahan penjagaan kesihatan swasta.

Bagi permohonan yang diluluskan, satu sijil seperti di Lampiran D akan dikeluarkan oleh KKM kepada pemohon. Sijil pengesahan ini akan diberi bersama dengan dokumen Jadual Ketiga (Lampiran B) dan senarai peralatan yang dimohon (Lampiran C) kepada pemohon.

Bagi permohonan yang tidak diluluskan, sebab-sebab permohonan tidak diluluskan perlu dimaklumkan kepada pemohon. Lampiran B dan Lampiran C juga akan dikembalikan semula kepada pemohon.

- 5.12 Tempoh keseluruhan proses dari tarikh penerimaan permohonan / dokumen-dokumen yang lengkap oleh KKM sehingga tarikh keputusan penilaian dimaklumkan kepada kemudahan jagaan kesihatan swasta adalah empat (4) minggu
- 5.13 Urusetia di peringkat JKN perlu mengemukakan ringkasan permohonan yang telah diuruskan di peringkat JKN mengikut format seperti di **Lampiran H** setiap empat (4) bulan bagi tujuan pemantauan kepada:

Unit Sumber Perubatan  
Bahagian Perkembangan Perubatan  
Aras 5, Blok E1, Parcel E,  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
Presint 1, 62590 Putrajaya

## 6. PROSEDUR RAYUAN

- 6.1 Sebarang rayuan kepada permohonan yang tidak diluluskan perlu dikemukakan kepada urusetia Pelepasan Cukai Barang dan Perkhidmatan di Bahagian Perkembangan Perubatan, Ibupejabat KKM dengan menyertakan dokumen-dokumen berikut:

- 6.1.1 Surat rayuan permohonan daripada pihak kemudahan jagaan kesihatan swasta yang turut menyatakan:
      - 6.1.1.1 Sebab JKN tidak meluluskan permohonan asal
      - 6.1.1.2 Justifikasi rayuan termasuk lain-lain surat / dokumen yang menyokong rayuan berkenaan
    - 6.1.2 Dokumen **Lampiran B** yang telah diisi dan ditandatangani oleh pemilik / Ketua Pegawai Eksekutif / Pengarah / Pengurus kemudahan penjagaan kesihatan swasta yang memohon
    - 6.1.3 **Lampiran C** (senarai peralatan yang dimohon termasuk jenama, kegunaan, kuantiti dan harga alat) yang telah diisi
    - 6.1.4 Salinan *purchase order* (pesanan pembelian) atau invois pesanan bagi peralatan-peralatan perubatan yang ingin dibeli
    - 6.1.5 Salinan sijil pendaftaran/ lesen dibawah Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998
    - 6.1.6 Senarai semak (**Lampiran E**) yang telah diisi oleh pemohon
  - 6.2 Rayuan yang lengkap akan dijadualkan oleh urusetia rayuan di peringkat ibupejabat (mengikut format seperti di **Lampiran I**) dan dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Rayuan Pelepasan Cukai Barang dan Perkhidmatan KKM untuk dibuat penilaian
  - 6.3 Keahlian Jawatankuasa Rayuan Pelepasan Cukai Barang dan Perkhidmatan KKM adalah seperti berikut:

Seorang pengurus dan sekurang-kurangnya dua (2) orang Ahli Jawatankuasa yang dilantik dari Bahagian / Cawangan / Unit yang berkaitan
  - 6.4 Rayuan yang telah dinilai oleh Jawatankuasa Rayuan Pelepasan Cukai Barang dan Perkhidmatan KKM akan dibawa untuk pengesahan Ketua Pengarah Kesihatan / Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Perubatan)
  - 6.5 Keputusan rayuan akan dimaklumkan secara bertulis kepada pihak kemudahan jagaan kesihatan swasta.
- Bagi rayuan yang diluluskan, satu sijil pengesahan seperti di Lampiran D akan dikeluarkan oleh KKM kepada pemohon. Sijil ini akan diberi bersama dengan dokumen Jadual Ketiga (Lampiran B) dan senarai peralatan yang dimohon (Lampiran C) kepada pemohon.

Bagi rayuan yang tidak diluluskan, sebab-sebab rayuan tidak diluluskan perlu dimaklumkan kepada pemohon. Lampiran B dan Lampiran C juga akan dikembalikan semula kepada pemohon.

Sesalinan keputusan rayuan juga akan dikemukakan kepada Jabatan Kesihatan Negeri yang berkenaan.

- 6.6 Tempoh keseluruhan proses dari tarikh penerimaan rayuan / dokumen-dokumen yang lengkap oleh KKM sehingga tarikh keputusan rayuan dimaklumkan kepada kemudahan jagaan kesihatan swasta adalah empat (4) minggu

## 7. RINGKASAN PROSES KERJA PERMOHONAN

BIL	TINDAKAN	CATATAN
I.	<b>Terima permohonan dan dokumen berkaitan</b>  Permohonan kemudahan jagaan kesihatan swasta diterima oleh urusetia di Jabatan Kesihatan Negeri	
II.	<b>Rekod permohonan yang diterima</b>  Kesemua permohonan yang diterima akan direkodkan oleh urusetia	
III.	<b>Semakan dokumen</b>  Dokumen-dokumen yang diterima akan disemak oleh urusetia untuk memastikan permohonan adalah lengkap.  Urusetia akan memaklumkan berkenaan permohonan yang tidak lengkap kepada pemohon untuk dilengkappkan	Tempoh: Satu (1) minggu

<b>IV.</b>	<b>Permohonan dijadualkan</b>  Permohonan yang lengkap akan dijadualkan mengikut format Lampiran F untuk dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Permohonan Pelepasan CBP	
<b>V.</b>	<b>Mesyuarat Jawatankuasa Penilaian Permohonan Pelepasan CBP</b>  Jawatankuasa akan menjalankan penilaian ke atas semua permohonan lengkap yang diterima. Ahli-ahli Jawatankuasa akan menandatangani jadual penilaian yang disediakan.	Tempoh: Dua (2) minggu
<b>VI.</b>	<b>Pengesahan oleh Pengarah JKN</b>  Pihak urusetia akan membawa keputusan penilaian dan sijil-sijil untuk disahkan oleh Pengarah JKN.	
<b>VII.</b>	<b>Keputusan dan hasil penilaian dimaklumkan kepada pemohon</b>  Urusetia akan memaklumkan keputusan penilaian secara bertulis kepada pihak kemudahan penjagaan kesihatan swasta yang memohon. Dokumen-dokumen berkaitan dikembalikan kepada pemohon.	Tempoh: Satu (1) minggu
<b>VIII.</b>	<b>Ringkasan permohonan yang diuruskan oleh JKN dihantar ke ibupejabat</b>  Urusetia Permohonan Pelepasan CBP di peringkat JKN perlu mengemukakan ringkasan permohonan (mengikut format di Lampiran H) yang telah diuruskan di peringkat JKN setiap empat (4) bulan sekali kepada urusetia Pelepasan CBP di peringkat ibupejabat KKM.	Tempoh: Setiap empat (4) bulan

## 8. RINGKASAN PROSES KERJA RAYUAN

BIL	TINDAKAN	CATATAN
I.	<p><b>Terima surat dan dokumen-dokumen rayuan</b></p> <p>Rayuan diterima oleh urusetia rayuan pelepasan CBP di Bahagian Perkembangan Perubatan, Ibupejabat KKM.</p>	
II.	<p><b>Rekod rayuan yang diterima</b></p> <p>Kesemua rayuan yang diterima akan direkodkan oleh urusetia rayuan pelepasan CBP.</p>	
III.	<p><b>Semakan dokumen rayuan</b></p> <p>Dokumen-dokumen yang diterima akan disemak oleh urusetia untuk memastikan rayuan adalah lengkap.</p> <p>Urusetia akan memaklumkan berkenaan rayuan yang tidak lengkap kepada pemohon untuk dilengkappkan.</p>	Tempoh: Satu (1) minggu
IV.	<p><b>Rayuan dijadualkan</b></p> <p>Rayuan yang lengkap akan dijadualkan mengikut format Lampiran I untuk dibawa ke mesyuarat Jawatankuasa Rayuan Pelepasan CBP.</p>	
V.	<p><b>Mesyuarat Jawatankuasa Rayuan Pelepasan CBP</b></p> <p>Jawatankuasa akan menjalankan penilaian ke atas semua rayuan yang lengkap diterima. Ahli-ahli Jawatankuasa akan menandatangani jadual penilaian.</p>	
VI.	<p><b>Pengesahan oleh KPK / TKPK(P)</b></p> <p>Pihak urusetia akan membawa keputusan penilaian rayuan dan sijil-sijil untuk disahkan oleh KPK / TKPK (P).</p>	Tempoh: Dua (2) minggu


<p><b>VII. Keputusan dan hasil penilaian rayuan dimaklumkan kepada pemohon dan JKN</b></p> <p>Urusetia akan memaklumkan keputusan penilaian rayuan secara bertulis kepada pihak kemudahan penjagaan kesihatan swasta dan sesalinan kepada JKN yang berkaitan.</p>	<p>Tempoh: Satu (1) minggu</p>
---	--------------------------------

Disediakan oleh:


Bahagian Perkembangan Perubatan  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Tarikh: 15 Julai 2015

## Carta Alir Pengurusan Permohonan Pelepasan CBP bagi Peralatan Perubatan oleh Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta (KJKS)



## Carta Alir Pengurusan Rayuan Pelepasan CBP bagi Peralatan Perubatan oleh Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta (KJKS)



**LAMPIRAN A**

SENARAI PERALATAN PERUBATAN KESIHATAN SWASTA YANG LAYAK DIULUSKAN OLEH KEMENTERIAN KEWANAN BUTIRAN 6, JADUAL PERTAMA PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (PELEPASAN) 2014



No.	Functional Area	Name of Equipment	Function of Equipment
1	Operating Theatre	Operating Theatre Light	Lampu Meja Pembodohan
2		Operating Theatre Pendant	Flak Fasiliti tergantung untuk meja pembodohan
3		Operating Theatre Table	Meja Pembodohan
4		Electrosurgical Unit	Alat pemotongan dan penampalan isu badan pasakit secara elektrik
5		Heart Lung Machine	Mesin penyambung jantung dan paru-paru semasa pembodohan jantung
6		Intra Aortic Balloon Pump	Mesin membantu fungsi jantung melalui mensediakan tekanan darah
7		GA(General Anaesthesia) Machine Sid & MRI compatible	Mesin "blue"
8		Ventilator(Transport/Stationalary)	Mesin menyokong pernafasan
9		Patient Monitor	Mesin penjagaan keadaan pasakit
10		Operating Theatre Microscope	Mikroskop dewan pembodohan
11		Operating Theatre Camera System	Sistem kamera dewan pembodohan
12		Patient Heating /Cooling System	Sistem pemantauan dan penyelukutan pasakit
13		Robotic Surgery System	Sistem pembodohan secara perobota (Da Vinci Robotic Surgery)
14		Lithotripter (ESWL)	Mesin pemecah batu karang (dari luar badan pasakit)
15		Lithotripsy (PCNL)	Mesin pemecah batu karang (dari dalam badan pasakit)
16		Harmonic Scapel	Alat pemotongan dan penampalan isu badan pasakit secara gelombang
17		Image Guided Navigation System (orthopaedic)	Sistem Bantuan Pemerhatian untuk pembodohan tulang
18		Shaver System (orthopaedic)	Sistem pencukuran tulang
19		Arthroscopy System (orthopaedic)	Sistem pemerhatian dan pembaikan sendi tulang
20		Power Drill	Mesin poncak tulang berkutu tinggi
21		Liposuction Machine	Mesin Penyedul Lemak badan pasakit
22		Irrigation System (orthopaedic)	Sistem penyucian pembodohan tulang pasakit
23		Tourniquet System (orthopaedic)	Sistem penekanan saluran darah pasakit
24		Cryo System(orthopaedic)	Sistem pembodohan secara penyelukutan
25	Central sterile services department	Sterilizer	Mesin penserilan atau pembodohan.
26		Washer	Mesin pembasuh atau pembodohan
27		Ultrasonic Cleaner	Mesin periorit alat pembodohan secara gelombang bunyi tinggi
28		Dryer	Mesin pengering atau pembodohan
29	Intensive Care	Patient Monitoring System(modular/ Central Information System/Telemetry)	Sistem pengawasan keadaan pasakit (Individu/Berpusat/kawasan jauh)
30		Blood Gas Analyzer	Mesin analisis keadaan darah pasakit
31		Infant Incubator(transport/Stationalary)	Mesin penjagaan perkembangan pasakit (bayi) (mudah dilih/toles)

**SENARAI PERALATAN PERUBATAN KESIHATAN SWASTA YANG LAYAK DILULUSKAN OLEH KEMENTERIAN KEWANGAN BUTIRAN 6, JADUAL PERTAMA PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (PELEPASAN) 2014**



32	Diagnostic Imaging	CT/PET Scan	Mesin pengimajian secara x-ray secara lomografi berkomputer, secara "positron emisyon"
33		MRI	Mesin pengimajian secara resonan magnetik
34		Gamma Camera	Mesin pengimajian menggunakan radiasi "gamma"
35		C Arm	Mesin pengimajian berbantuan lengkap C secara x-ray
36		Mammography (Digital/Analog)	Mesin pengimajian ke atas payudara
37		Stationary & Mobile General Xray (Digital/Analog)	Mesin pengimajian secara x-ray (digital/analog) mudah alih dan tetap
38		Ultrasound (General/Echo/O&G)	Mesin pengimajian menggunakan gelombang bunyi (am/jantung/bu mengandung)
39		Fluoroscopy (Digital/Analog)	Mesin pengimajian secara x-ray (image tetap dan video) (digital/analog)
40		Bone Densitometer	Mesin pengimajian untuk mengelihui komposisi tulang
41		Image Digitization System	Sistem pengimajian digital
42		Picture Archiving System (Image/Video)	Sistem penyimpanan imej dan video x-ray secara digital
43		Dental Xray	Mesin pengimajian gigi
44		Diagnostic Monitoring (EEG/EMG/EP/ENG)	Mesin pemerhatian untuk otak, otot, saraf.
45		Injector for contrast media	Mesin penyuntik menggunakan dakwat khas "contrast media"
46		Polytomograph	Mesin pemerhatian keadaan pasakil senyawa lidur
47		Orthopantomograph and Cephalometric machines	Mesin x-ray
48		Cone Beam Computer Tomography (CBCT) machines	Mesin x-ray
49		Urodynamic System	Sistem pemerhatian ginjal,膀胱, seluruh kencing
50	Radiotherapy	Linear Accelerator	Mesin rawatan kanser secara luaran untuk pasakil kanser
51		Brachytherapy	Mesin rawatan kanser secara dalaman untuk pasakil kanser
52		Gamma/Cyber Knife	Mesin rawatan kanser secara luaran untuk pasakil kanser
53		CT Simulator	Mesin simulasii secara pengimajian x-ray sebelum rawatan kanser dilakukan
54		Treatment Planning System (TPS)	Sistem perancangan pemulihian sebelum rawatan kanser
55	Cardiac Cath	Stationary/Mobile Angiography System	Mesin pengimajian seluruh darah dan jantung (mudah alih/tetap)
56		Stress Test System (trottor, treadmill, monitor)	Sistem pemerhatian jantung/jantung pesakit semasa senyawa berjalan
57		Haemodynamic Monitoring System (cardiac monitoring system)	Sistem pemerhatian fungsi jantung dan edaran darah semasa proses pengimajian
58		ACT (activated clotting time) Monitor	Mesin pemerhatian pembekuan darah,
59		Cardiac Ablation System	Sistem penyingkirkan sara jantung yang tetapi rosak.
60		Ambulatory Blood Pressure Monitoring(ABPM) System	Sistem pemerhatian tekanan darah mudah alih.

**SENARAI PERALATAN PERUBATAN KESIHATAN SWASTA YANG LAYAK DILULUSKAN OLEH KEMENTERIAN  
KEWANGANAN BUTIRAN 6, JADUAL PERTAMA PEHINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (PELEPASAN) 2014**



61	Lab/Blood Bank	Chemistry Analyzer	Mesin yang menganalisis bahan kimia darah
62		Centrifuge	Mesin pengangkang komposisi bendali pasakil
63		Biosafety Cabinet	Kabinet keselamatan ancaman bio.
64		Microscope (Lab)	Mikroskop makmal
65		Haematology Analyzer	Mesin menganalisis darah
66		Immunoassay Analyzer	Mesin menganalisis tahap imun darah
67		Microbiology Analyzer	Mesin menganalisis sel dan tisu
68		Freezer/Refrigerator (Blood/Merilation)	Mesin penyekujit / pembekuan spesimen darah dan ubatan
69		Flow Cytometer	Mesin pengiraan kuantiti dan penyusunan kandungan bendali pasakil.
70		Incubator (Lab/ IVF)	Mesin penjagaan dan pertumbuhan sel dan tisu (makmal/IVF)
71		Cryotomo	Mesin pemotongan tisu.
72		Tissue Processor	Mesin pemprosesan tisu.
73		Tissue Embroider	Mesin pemberian tisu.
74		Blood Cell Separator & Washer	Mesin pengasing dan pencucian sel darah
75		Transfusion Chair	Kursi khas untuk pemberian darah
76		Micromanipulator (IVF)	Mesin manipulasi sel
77		Cardiac Reader (cardiac enzyme analyzer)	Mesin penganalisis enzim jantung
78		Sealing Clipper	Mesin pengedap tisu darah
79		Slide Stainer	Mesin pemasakan slide tisu
80	Ear-Nose-Throat (ENT)	Audiometry System	Sistem pengujian pendengaran.
81		ENT Examination Treatment Unit	Sistem pengujian dan perawatan telinga, hidung dan lekak (tih)
82		Micro Otobridot	Mesin yang digunakan dalam pembedahan telinga, hidung dan lekak (tih)
83		Vestibulo- Ocular Chair	Kursi khas yang digunakan untuk menguji kestabilan pesakit.
84	Rehab	Respiratory Fitness Tester	Mesin pengujian tahap pernafasan
85		Treadmill	Mesin senaman untuk berjalan dan berlari
86		Shortwave Therapy	Mesin rawatan secara gelombang pendek
87		Traction Device	Mesin regangan pinggola badan
88		CPM(Continuous Passive Motion) Machine	Mesin bantu pergerakan kaki secara berterusan
89		Pelvic Floor Muscle Exerciser	Mesin pernguatan otot pelvis
90		Stimulator (Muscle, Nerve,Physical)	Mesin rangsangan (otot, saraf, fizikal)
91		Hydrocollator	Rangka permasaan dan penyimpanan pok permasaan untuk pinggola badan
92	Dialysis	CRRT(Continuous Renal Replacement Therapy)	Mesin dialisis secara berterusan untuk pesakit yang lemah
93		Hemodialysis Machine	Mesin dialisis
94		RO System(stationery/portable)	Sistem penapisan air osmosis berbalik (reverse osmosis) khusus untuk mesin dialisis.
95		Dialyzer Reprocessing Unit	Mesin pembersihan penapis darah yang digunakan untuk mesin dialisis
96		APD (Automated Peritoneal Dialysis) Machine	Mesin dialisis melalui ruang peritoneal badan pesakit.

**SENARAI PERALATAN PERUBATAN KESIHATAN SWASTA YANG LAYAK DILULUSKAN OLEH KEMENTERIAN KEWANGAN BUTIRAN 6, JADUAL PERTAMA PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (PELEPASAN) 2014**



97	Endoscopy	Endoskop ( rigid and fibreoptic)	Skop untuk pemerhatian dan perawatan saluran dalam pesakit (tegar dan fiberoptik)
98		Endoscopy Video System	Sistem video untuk Endoskop
99		Endoscope Washer/Sterilizer	Mesin pembersihan dan psterilisasi Skop
100	General	Defibrillator	Mesin perangsangan keeldakstabilan jantung
101		ECG Machine	Mesin pencatatan Isyarat ritmo jantung
102		Patient Monitor Sid & MRI compatible (basic/critical care)	Mesin pemantauan pesakit Am dan khusus untuk MRI (Am/Rawatan Rapat)
103		Pumps aid & MRI compatible (infusion/Syringe/Suction/Feeding/PCA)	Mesin pengapalan Am dan khusus untuk MRI (Saluran/Picagari/Sedulan/Kwafuan Ubat oleh pesakit)
104		Patient Litter	Mesin pengangkut pesakit
105		Nebulizer	Mesin rawatan rasa
106		Diagnostic Set (Laryngoscope,Otoscope,Ophtalmoscope)	Set pemotongan dan rawatan (Tokak, Telinga dan Mata)
107		Warmers(Blood/Blanket/Radiant)	Mesin pemanasan (darah/edimul/radiasi)
108		CTG ( Cardiotocograph ) & Central Monitoring System	Mesin pemantauan pergerakan bayi di dalam rahim ibu
109		Phototherapy Light (Infant & Adult)	Mesin rawatan pesakit bayi yang menghidap penyakit kuning dan dewasa yang mengidamai penyakit kulit
110		Measuring Disposable	Mesin pelupusan boks dan sisa klinikal
111		Surgical Instruments ( all disciplines)	Instrumen yang digunakan semasa pembedahan
112		Autoclave	Mesin psterilisasi instrumen
113	Ophthalmology	Surgical Lasers(Argon,Yag,Holmium, CO2 ,Excimer/Lasik),Diode)	Mesin laser yang digunakan semasa pembedahan dan perawatan
114		OCT(Optical coherence tomography )	Mesin tomografi rawatan mata
115		Keratome Machine (Lasik)	Mesin pembedahan konea mata
116		Phaco(Phacoemulsification)	Mesin untuk mencairkan lensa mata
117		Visual Field Plotter	Mesin pemplotan kelumpuhan penglihatan
118		Retinoscope	Mesin pemerhatian retina mata
119		Fundus Camera	Mesin kamera pemerhatian dan penggambaran mata
120		Slit Lamp w Tonometer	Mesin pencahayaan untuk pemeriksaan dan penentian tekanan mata
121		Autorefractor-Keratometer	Mesin ujian dan presripsi lensa mata
122		Vitreotomy Unit	Mesin pembedahan dalam mata
123	Dental Surgery	Dental chair	Kursi yang dilengkapi lampu dan unit pergigian ini digunakan untuk memeriksa dan rawat pesakit
124		Dental delivery Unit	Mesin yang digunakan untuk memolong gigi, memolong tulang, menampali dan memuasihkan gigi
125		CAD /CAM unit dental chair side	Mesin CAD/CAM digunakan di dalam b器gi seperti alat pengimbas mula oral dan Coroc (milling machine)

**LAMPIRAN A1**

SENARAI PERALATAN PERUBATAN KESIHATAN SWASTA YANG LAYAK DILULUSKAN OLEH KEMENTERIAN  
KEWANGAN BUTIRAN 6, JADUAL PERTAMA PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (PELEPASAN) 2014



No.	Functional Area	Name of Equipment	Function of Equipment
1	Dialysis	Dialysis Concentrates	Liquid concentrates and dry bicarbonate concentrates
2		Dialysers	Artificial kidney and replaces certain vital functions of the kidney
3		Ultrapure Dialysate Filter	Prevents micro-inflammation to ensure safe dialysis

**JADUAL KETIGA / THIRD SCHEDULE  
BAHAGIAN 1 / PART 1**

AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014  
GOODS AND SERVICES TAX ACT 2014

**SIJIL DI BAWAH PERINTAH CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (PELEPASAN) 2014  
CERTIFICATE UNDER THE GOODS AND SERVICES TAX RELIEF ORDER 2014**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa barang yang diperihalkan di atas adalah

*I hereby certify that the goods described above are as specified in Lampiran B3*

\*diperolehi daripada/dibekalkan kepada \_\_\_\_\_  
(Nama dan alamat orang atau pertubuhan yang berkenaan dengan pelepasan yang dituntut)

\*acquired from/supplied to  
(Name and address of the person or the establishment in respect of the relief claimed)

dan pelepasan daripada \*pengenaan/pembayaran cukai barang dan perkhidmatan adalah  
dituntut di bawah Butiran \_\_\_\_\_

*and relief from \*charging/payment of goods and services tax is claimed under item*

Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014 tertakluk kepada syarat-syarat yang  
dinyatakan di dalamnya.

*of the Goods and Services Tax (Relief) Order 2014 subject to the conditions therein specified.*

Tandatangan \_\_\_\_\_  
*Signature*

Nama \_\_\_\_\_  
*Name*

No. Kad Pengenalan \_\_\_\_\_  
*Identity Card No.*

Pangkat \_\_\_\_\_  
*Rank*

Tarikh \_\_\_\_\_  
*Date*

\*Potong mana-mana yang tidak berkenaan

*\*Delete whichever is not applicable*

**SENARAI PERALATAN PERUBATAN KESIHATAN SWASTA  
BUTIRAN 6, JADUAL PERTAMA, PERINTAH CBP (PELEPASAN) 2015**

**NAMA KEMUDAHAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA:**

BIL.	PERALATAN	MODEL / JENAMA	FUNGSI / KEGUNAAN PERALATAN	KUANTITI	ANGGARAN KOS SEUNIT (RM)	CATATAN

**Perakuan Pemohon:**

Saya memperakulkan peralatan-peralatan yang dimohon di atas adalah untuk kegunaan secara langsung bagi rawatan pesakit dan telah didaftarkan dengan Pihak Berkusa Peranti Perubatan (berkuatkuasa 1 Julai 2015).

**Tanda tangan:**

**Nama:**

**Jawatan:**

**Cop:**

**LAMPIRAN D**



**NO. SIJIL PENGESAHAN : \_\_\_\_\_**

**DI BAWAH BUTIRAN 6, JADUAL PERTAMA, PERINTAH CUKAI BARANG DAN  
PERKHIDMATAN (PELEPASAN) 2014  
AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa barang/peralatan di bawah yang diperolehi oleh

\_\_\_\_\_ dari pembekal

adalah peralatan perubatan kesihatan swasta yang layak diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan disahkan akan digunakan secara langsung bagi tujuan menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan di bawah Butiran 6, Jadual Pertama, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) mengikut Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

**Perihal peralatan :**

- i) \_\_\_\_\_
- ii) \_\_\_\_\_
- iii) \_\_\_\_\_
- iv) \_\_\_\_\_

Tandatangan: \_\_\_\_\_

Nama : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Cop Rasmi Kementerian/Jabatan

LAMPIRAN D1 (CONTOH SIJIL)



NO. SIJIL PENGESAHAN : :IPKKM.CoGSTR 1/01/2015

**DI BAWAH BUTIRAN 6, JADUAL PERTAMA, PERINTAH CUKAI BARANG DAN  
PERKHIDMATAN (PELEPASAN) 2014  
AKTA CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN 2014**

Saya dengan ini mengesahkan bahawa barang/peralatan di bawah yang diperolehi oleh

**Columbia Asia Hospital, Petaling Jaya**

dari pembekal

**Medic Healthcare Sdn Bhd**

adalah peralatan perubatan kesihatan swasta yang layak diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan disahkan akan digunakan secara langsung bagi tujuan menyediakan perkhidmatan penjagaan kesihatan di bawah Butiran 6, Jadual Pertama, Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) mengikut Akta Cukai Barang dan Perkhidmatan 2014.

Perihal peralatan :

- i) Patient Monitor (Draeger Infinity Vista) - 2 unit
- ii) Patient Monitor (Draeger Vista 120 Model B) - 4 Unit
- iii) Patient Transport Monitor - 1 unit

Tandatangan :

Nama : Dato' Dr. Haji Azman Bin Abu Bakar

Jawatan : Pengarah Perkembangan Perubatan ,  
Kementerian Kesihatan Malaysia

Tarikh : 19 Mei 2015

Cop Rasmi Kementerian/Jabatan

**LAMPIRAN E**

**SENARAI SEMAKAN  
BAGI PEROLEHAN PERALATAN PERUBATAN DI KEMUDAHAN JAGAAN  
KESIHATAN SWASTA**

Nama Kemudahan  
Jagaan Kesihatan Swasta: \_\_\_\_\_

Tarikh permohonan: \_\_\_\_\_

<b>BIL.</b>	<b>TARIKH SEMAKAN</b>	/ /	/ /	<b>CATATAN</b>
	<b>JENIS DOKUMEN</b>	( ✓ / X )	( ✓ / X )	
1.	Surat Permohonan			
2.	Sijil Jadual Ketiga (Lampiran B)			
3.	Senarai Peralatan Perubatan Kesihatan Swasta (Lampiran C)			
4.	Salinan Purchase Order Atau Invois Pembelian			
5.	Salinan Sijil Pendaftaran/ Lesen Di bawah AKPJKS 1998			
6.	Lain-Lain Dokumen Berkaitan (jika ada - nyatakan jenis dokumen)			

Pegawai Yang Membuat Semakan ; \_\_\_\_\_

LAMPIRAN F

**JADUAL PENILAIAN PERMOHONAN PELEPASAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (CBP) BAGI PEROLEHAN PERALATAN PERUBATAN DI KEMUDAHAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA**

**MESYUARAT JAWATANKUASA PENILAIAN PERMOHONAN PELEPASAN CBP BIL. \_\_\_\_ / (TAHUN) \_\_\_\_**  
**JABATAN KESIHATAN NEGERI**

BIL.	NAMA KEMUDAHAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA YANG MEMOHON	NO. LESEN / PENDAFTARAN FASILITI & TARikh SAHLAKU	NOMBOR RUJUKAN & TARikh SURAT PERMOHONAN	SENARAI PERALATAN YANG DIMOHON	SYARIKAT PEMBEKAL	PERALATAN TERMASUK DALAM SENARAI MOF (ADA / TIADA)	ULASAN

.....  
(Pengerusi)

Tarikh:

.....  
(Ahli)

.....  
(Ahli)

**ALAMAT BAHAGIAN PERKEMBANGAN PERUBATAN DAN PENGARAH-  
PENGARAH JABATAN KESIHATAN NEGERI**

Unit Sumber Perubatan  
**Bahagian Perkembangan Perubatan**  
Kementerian Kesihatan Malaysia  
Aras 5, Blok E1 Kompleks E  
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan  
62590 Wilayah Persekutuan Putrajaya  
Tel: 03-88831124  
<http://medicaldev.moh.gov.my/>

Pengarah  
**Jabatan Kesihatan Negeri Perlis**  
Jalan Raja Syed Alwi,  
01000 Kangar,  
Perlis Indera Kayangan.  
Tel: 04-9773333  
Faks: 04-9760764/9774855  
<http://jknperlis.moh.gov.my>

Pengarah  
**Jabatan Kesihatan Negeri Kedah**  
Simpang Kuala, Jalan Kuala Kedah,  
05400 Alor Setar,  
Kedah Darul Aman,  
Tel: 04-7741000  
Faks: 04-7741030  
<http://jknkedah.moh.gov.my>

Pengarah  
**Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang**  
Tingkat 35 & 37, KOMTAR,  
10590 Pulau Pinang.  
Tel: 04-2625533/2281616  
Faks: 04-2613508  
<http://jknpenang.moh.gov.my>

Pengarah  
**Jabatan Kesihatan Negeri Perak**  
Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab,  
30590 Ipoh,  
Perak Darul Ridzuan.  
Tel: 05-2456000  
Faks: 05-2438090  
<http://jknperak.moh.gov.my>

Pengarah  
**Jabatan Kesihatan Negeri Selangor**  
Tingkat 9, 10, 11 & 17, No. 1, Wisma Sunway,  
Jalan Tengku Ampuan Zabedah C 9/C,  
Seksyen 9,  
40100 Shah Alam, Selangor.  
Tel: 603-5123 7333/ 334/ 335  
Faks: 603-5123 7202 (Pengarah)  
<http://jnselangor.moh.gov.my>

Pengarah  
**Jabatan Kesihatan WP Kuala Lumpur**  
Jalan Cenderasari,  
50590 Kuala Lumpur,  
Wilayah Persekutuan.  
Tel: 03-2268 7333  
Faks: 03-2268 7555  
<http://jknkl.moh.gov.my>

Pengarah  
**Jabatan Kesihatan Negeri Sembilan**  
Jalan Rasah  
70300 Seremban  
Negeri Sembilan Darul Khusus.  
No. Tel : 06-7664800  
No. Fax : 06-7648613 (Am) / 06-7638543  
(Pengarah)  
<http://jknns.moh.gov.my>

Pengarah  
**Jabatan Kesihatan Negeri Melaka**  
Tingkat 3, 4, dan 5, Wisma Persekutuan,  
Jalan Business City, Bandar MITC  
75450 Ayer Keroh, Melaka.  
Tel: 06-2345959  
Faks: 06-2345969  
<http://jknmelaka.moh.gov.my>

Pengarah  
**Jabatan Kesihatan Negeri Johor**  
Tingkat 3 & 4 Blok B, Wisma  
Persekutuan, Jalan Air Molek,  
80590 Johor Bahru  
Johor Darul Takzim.  
Tel: 07-2247361  
Faks: 07-2277577  
<http://jknjohor.moh.gov.my>

Pengarah  
**Jabatan Kesihatan Negeri Pahang**  
Jalan IM 4, Bandar Indera Mahkota  
25582 Kuantan  
Pahang Darul Makmur  
Tel: 09-570 7999 (pengarah)  
Fax: 09-570 7799 (pengurusan)  
[webmaster.phg@phg.moh.gov.my](mailto:webmaster.phg@phg.moh.gov.my)  
<http://jknpahang.moh.gov.my>

**ALAMAT BAHAGIAN PERKEMBANGAN PERUBATAN DAN PENGARAH-PENGARAH JABATAN KESIHATAN NEGERI**

Pengarah  
**Jabatan Kesihatan Negeri Terengganu**  
Tingkat 5, Wisma Persekutuan  
Jalan Sultan Ismail 20920 Kuala Terengganu,  
Terengganu Darul Iman.  
Tel: 09-6222866  
Faks: 09-6245829  
<http://jknterengganu.moh.gov.my>

Pengarah  
**Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan**  
Tingkat 5, Wisma Persekutuan,  
15590 Kota Baharu,  
Kelantan Darul Naim.  
Tel: 09-7413300  
Faks: 09-7441333  
<http://jknkelantan.moh.gov.my>

Pengarah  
**Jabatan Kesihatan Negeri Sarawak**  
Jalan Diplomatik, Off Jalan Bako,  
93050 Kuching,  
Sarawak.  
Tel: 082-473200  
Faks: 082 - 443031  
<http://jknsarawak.moh.gov.my>

Pengarah  
**Jabatan Kesihatan Negeri Sabah**  
Tingkat 3, Rumah Persekutuan,  
Jalan Mat Salleh,  
88590 Kota Kinabalu,  
Sabah.  
Tel: 088-265960  
Faks: 088-221477  
<http://jknsabah.moh.gov.my>

Pengarah  
**Jabatan Kesihatan WP Labuan**  
Peti surat 80832,  
87018 Wilayah Persekutuan Labuan.  
Tel: 087-411702, 412097, 423641, 423581  
Faks: 087-411298(Pejabat Pengarah), 087-  
419011(Kesihatan Awam), 087-  
412342(Pengurusan)  
<http://jknlabuan.moh.gov.my>



LAMPIRAN 1

JADUAL PENILAIAN RAYUAN PELEPASAN CUKAI BARANG DAN PERKHIDMATAN (CBP) BAGI PEROLEHAN PERALATAN PERUBATAN  
DI KEMUDAHAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA

MESYUARAT JAWATANKUASA PENILAIAN RAYUAN PELEPASAN CBP BIL. — / (TAHUN) —  
IBUPEJABAT KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

BIL.	NAMA KEMUDAHAN JAGAAN KESIHATAN SWASTA YANG MEMBUAT RAYUAN	NO. LESEN / PENDAFTARAN FASILITI & TARikh SAHLAKU	NOMBOR RUJUKAN & TARikh SURAT RAYUAN	SENARAI PERALATAN YANG DIBUAT RAYUAN	SYARIKAT PEMBEKAL	PERALATAN TERMASUK MOF DALAM SENARAI MOF (ADA / TIADA)	ULASAN

.....  
(Pengerusi)

.....  
(Ahli)

.....  
(Ahli)

Tarikh:

**APPENDIX 1****SENARAI LAMPIRAN**

<b>BIL.</b>	<b>LAMPIRAN</b>	<b>KETERANGAN</b>
1.	Lampiran A dan A1	Senarai Peralatan Perubatan Kesihatan Swasta Yang Layak Diluluskan Oleh Kementerian Kewangan
2.	Lampiran B	Borang Jadual Ketiga Di Bawah Perintah Cukai Barang dan Perkhidmatan (Pelepasan) 2014
3.	Lampiran C	Senarai Peralatan Perubatan Kesihatan Swasta
4.	Lampiran D	Sijil Pengesahan Kementerian Kesihatan Malaysia
5.	Lampiran D1	Contoh Sijil Pengesahan Kementerian Kesihatan Malaysia
6.	Lampiran E	Senarai Semakan
7.	Lampiran F	Jadual Penilaian Permohonan Pelepasan Cukai Barang Dan Perkhidmatan (CBP)
8.	Lampiran G	Alamat Bahagian Perkembangan Perubatan Dan Pengarah-Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri
9.	Lampiran H	Ringkasan Penilaian Permohonan Pelepasan Cukai Barang Dan Perkhidmatan (CBP)
10.	Lampiran I	Jadual Penilaian Rayuan Pelepasan Cukai Barang Dan Perkhidmatan (CBP)